

UUM ONLINE: Setiap staf di universiti ini diberi ruang dan peluang untuk mencetuskan inovasi dan kreativiti masing-masing dalam usaha mencetuskan idea baru bagi memajukan sesebuah organisasi.

Pengarah Pusat Pengurusan Kualiti (PPQ), Prof Dr Nur Adiana Hiau Abdullah berkata, mereka perlu berinovatif tanpa perlu menunggu tercetusnya sesuatu isu ataupun masalah dalam jabatan kerana jika berlaku ia akan merugikan jabatan itu sendiri.

Katanya, setiap warga organisasi perlu sentiasa peka, prihatin dan proaktif dalam persekitaran kerja masing-masing sejajar dengan hasrat untuk memajukan perkhidmatan dalam organisasi.

"Apabila kita berfikir secara kreatif dan inovatif, ia akan menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang seterusnya membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kita kepada pelanggan," katanya ketika berucap di Majlis Pemilihan Kumpulan Universiti Utara Malaysia (UUM) ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Kali Ke-7, di Dewan Seminar C, Kompleks Konvensyen UUM, di sini, semalam.

Dalam pemilihan itu, Kumpulan Care mewakili Perpustakaan Sultanah Bahiyah telah terpilih untuk pertandingan itu yang bakal berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1 hingga 3 Mac 2011.

Manakala, Kumpulan 2CU2C iaitu kumpulan gabungan Pusat Komputer serta Jabatan Canselori mendapat tempat kedua.

Pemilihan telah dibuat oleh panel juri yang terdiri daripada Pengarah PPQ, Prof Dr Nur Adiana Hiau Abdullah, Pengerusi Kualiti PPQ, Dr Sany Sanury dan Che Azlan Taib dari Perpustakaan Sultanah Bahiyah selaku Ketua Juri.

Kumpulan Care diketuai oleh Budiman Ikhwandee dengan tajuk 'Ketidakcekapan Pengurusan Perpustakaan kepada Orang Kurang Upaya', turut dibarisi oleh Hanie Azzyati, Suparman Sukri, Siti Zubaidah, Siti Hajar, Mohd. Facrol, Abdul Hadi dan Norfaiza.

Kumpulan '2CU2C' gabungan Pusat Komputer dan Jabatan Canselori diwakili oleh Nor'Azzah Yusof, Azlina Yahaman, Mohammad Amzari Bakri, Shaiful Rizal Samad, Nazli Johardy dan Mat Tarmizi Mat Teh yang membentangkan tajuk 'Sistem Aduan UUM Yang Kurang Berkesan'.

Nur Adiana Hiau berkata, beliau mengucapkan tahniah kepada kumpulan yang akan membuat persembahan kerana mempamerkan daya juang yang tinggi untuk menyerlahkan ciptaan masing-masing.

"Semoga penganjuran pemilihan ini dapat memberi manfaat sebaik mungkin kepada peserta, ketua-ketua jabatan dan semua yang hadir bagi menajamkan kreativiti dan meluaskan potensi inovasi dalam organisasi," katanya.

Beliau berkata, mudah-mudahan usaha murni ini akan terus menempa kecemerlangan bagi meningkatkan sistem penyampaian UUM ke tahap terbaik dan seterusnya menjadikan perkhidmatan awam Malaysia di sanjung tinggi oleh masyarakat dan negara kerana perkhidmatan yang cemerlang berasaskan inovasi dan kreativiti.

Habis

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT